


## Ujian RT-PCR COVID-19 percuma di fasiliti KKM

Oleh Nas Norziela Nasbah - Jun 2, 2022 @ 2:52pm  
bhnews@bh.com.my



Ujian saringan RT-PCR COVID-19 bagi bakal jemaah haji di fasiliti Kementerian Kesihatan akan diberikan percuma. - Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Ujian saringan RT-PCR COVID-19 bagi bakal jemaah haji di fasiliti Kementerian Kesihatan akan diberikan percuma.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata bakal jemaah yang membuat ujian saringan itu di fasiliti swasta pula perlu menanggung kosnya sendiri.

Katanya, kerajaan Arab Saudi menetapkan prosedur pencegahan dan pengawalan penyakit yang ketat susulan pandemik COVID-19.

Justeru, katanya, Arab Saudi menetapkan bahawa semua jemaah Haji perlu disahkan negatif COVID-19 menerusi ujian RT-PCR dalam tempoh 72 jam sebelum ketibaan di Tanah Suci.

"Dengan ini, bakal jemaah yang mendapatkan ujian pengesahan di fasiliti KKM terpilih akan menjalaninya secara percuma.

"Bagi bakal jemaah Haji yang memilih untuk menjalani ujian RT-PCR COVID-19 di fasiliti kesihatan swasta, kos ujian itu perlu ditanggung sepenuhnya oleh jemaah mengikut caj yang dikenakan di fasiliti terpilih itu," katanya.

April lalu, Arab Saudi menetapkan kuota haji seramai satu juta bagi musim 2022 yang mana 85 peratus daripadanya untuk jemaah luar.

Jumlah itu memperlihatkan kuota haji Malaysia tahun 2022 adalah 14,306 iaitu 45 peratus daripada kuota tahunan yang biasa diterima.

Mengulas lanjut, Khairy berkata jemaah Haji boleh menghubungi Pejabat Kesihatan atau Pejabat Tabung Haji di daerah masing-masing untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan perkara itu termasuklah senarai fasiliti kesihatan KKM yang menyediakan perkhidmatan ujian pengesanan COVID-19 (RT-PCR).